

Hawa nafsu: Keimanan perlu untuk membasmi-nya

Oleh SALIM OSMAN

18 FEBRUARI

SINGAPURA, Khamis. — Hawa nafsu tidak dapat di-berantas sa-chara amalan zahir sahaja bahkan perlu disertakan dengan amalan batin. Amalan batin ini mesti-lah berpandukan kepada keimanan.

“Apabila sa-saorang itu kembali ka-jalan Allah, nesciaya Allah akan memandu-nya ka-jalan, yang lebeh selamat.”

Inilah seruan yang di-utarakan dalam renchana pengarang majallah rasmi Persatuan Penchak Sihat Singapura, Suara Perpensis, keluaran terbaharu sa-bagai menyatakkan kesal terhadap akhlak pemuda pemudi Islam zaman ini.

Renchana itu berkata: “Seruan saperti ini jarang sekali sampai ka-chopeng telinga penghisap2 dan penge-dar2 madat.”

Akibat

“Mereka tidak menghiraukan sama sekali akibat yang memmpa masharakat berpuncha dari perbuatan mereka sendiri.”

La menyeru semua masharakat Islam menyokong segala rupa tindakan untuk mengnapuskan madat dan kalangan Iubapa juga di-seru supaya membimbing anak2 mereka.

Kata-nya, memang-lah wajar tindakan di-lakukan terhadap penghisap2, pengedar2 serta orang2 yang terlibat dalam madat kerana bahaya. Yang mereka timbulkan sudah nyata dan terang.

kapada keruntuhan akhlak masharakat itu sendiri.

Iubapa

“Sungehpon usaha tegas sedang hebat di-lancarkan, namun kalangan Iubapa juga tidak terlepas dari tanggungjawab dan harus mengambuh berat tentang kegawatan anak2 mereka.”

Renchana itu menyatakkan kalangan Iubapa kerana kealpaan mereka hinggakan mas-alah madat menjadi bertambah runcing dan penggunaan-nya semakin meluas.

La juga mengecham tingkah laku Kebanyakan pemuda pemudi “zaman sekarang” yang di-katakan tahu membacah dan menulis tetapi berkeakulan lebeh burok dari “angkatan tua” yang tidak tahu membacah dan menulis, dan yang di-katakan sa-bagai “masharakat kolot.”

Kata-nya, “anak2 muda itu tahu apa itu ganja, LSD, pill MX dan sa-baganya tetapi mereka menchubanya juga sa-chara suka2 hinggakan mereka lupa memotong rambut, tulang pipi mereka terbungol keluar, dan bibir mereka pula pu-chal lesai dan bintat.”

Penikiran

“Perbuatan mereka ini adalah sa-bagai hasil pemikiran mereka yang berpandukan kapada hawa nafsu yang tidak terbatat.”

“Hawa nafsu tidak dapat di-berantas sa-chara amalan zahir sahaja bahkan perlu disertakan dengan amalan batin. Amalan batin ini mesti-lah berpandukan kapada keimanan.”